

SIMBOLISME UPACARA ADAT PESTA KAUL MASYARAKAT MELANAU DI MUKAH, SARAWAK

RIA AMMARUZAIN RUSLI
Universiti Kebangsaan Malaysia,
riaammaruzain99@gmail.com

*MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF **
Universiti Kebangsaan Malaysia,
yuszaidy@ukm.edu.my

**Pengarang perantara*

Abstrak

Makalah ini menfokuskan tentang simbolik dalam upacara adat Pesta Kaul. Pesta ini merupakan warisan penting bagi masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Upacara ini menandakan bermula upacara pesta Kaul dengan melaksanakan penyerahan Serahang Kakan. Serahang merupakan sebuah ‘kepala hantaran’ yang dipersiapkan dan dihantar kepada makhluk ghaib yang dikenali sebagai *ipok* yang menjaga laut agar masyarakat Melanau memperoleh tangkapan yang memuaskan dan selamat semasa berada di laut serta menghindari pelbagai wabak dan penyakit. Objektif kajian adalah untuk menjelaskan simbolik upacara adat Pesta Kaul dalam masyarakat Melanau. Pendekatan kualitatif digunapakai dalam memperoleh data yang diperlukan. Kajian ini dijalankan di Mukah dalam tempoh lima hari. Pendekatan etnografi yang digunapakai terdiri daripada kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian lapangan dilakukan untuk mendapat data melalui pemerhatian, ikut serta dan temu bual. Kaedah pemerhatian dan ikut serta digunakan untuk memastikan data yang di kumpul adalah sesuai dengan kajian. Kaedah temu bual menggunakan teknik temu bual separa struktur dengan menemu bual beberapa pengamal adat dan orang tua yang mempunyai autoriti dalam masyarakat Melanau. Kajian sekunder melibatkan kaedah kepustakaan seperti jurnal, buku dan bahan bercetak adalah untuk menyokong kajian ini. Data primer dan sekunder perlu menjalani proses penyaringan dengan menggunakan teknik analisis tematik dan bacaan teliti untuk memperoleh data-data yang tepat dan bersesuaian dengan kajian. Hasil dapatan menunjukkan kepercayaan masyarakat Melanau terhadap simbolik upacara adat Pesta Kaul mempengaruhi keselamatan dan kesejahteraan kehidupan harian mereka. Hal ini juga untuk membuka pemikiran masyarakat Melanau untuk memelihara warisan budaya dalam zaman moden. Sumbangan kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan kepada generasi muda masyarakat Melanau mengenai simbolik dalam upacara Kaul Serahang Kakan. Di samping itu, kajian ini dapat memartabatkan adat, budaya dan jati diri masyarakat Melanau.

Kata kunci: budaya; Melanau; Pesta Kaul; serahang kakan; simbolik

SYMBOLISM OF THE TRADITIONAL CEREMONY OF THE MELANAU VOW PARTY IN MUKAH, SARAWAK

Abstract

This paper focuses on the symbolism in the traditional ritual of the Kaul Festival. This festival is an important heritage for the Melanau community in Mukah, Sarawak. The ceremony marks the beginning of the Kaul Festival with the offering of *Serahang Kakan*. *Serahang* is a ceremonial “offering head” that is prepared and presented to the supernatural beings known as *ipok*, who are believed to guard the sea. This is done so that the Melanau people may have a bountiful and safe fishing season, and to ward off various plagues and diseases. The objective of this study is to explain the symbolism of the Kaul ritual in Melanau society. A qualitative approach was used to obtain the necessary data. The study was conducted in Mukah over a five-day period. The ethnographic approach employed includes fieldwork and literature review. Fieldwork was carried out to gather data through observation, participation, and interviews. Observation and participation methods were used to ensure the collected data aligns with the study. The interview method used a semi-structured format involving interviews with ritual practitioners and elders who hold authority within the Melanau community. Secondary research involved literature methods such as journals, books, and printed materials to support the study. Both primary and secondary data underwent a filtering process using thematic analysis and close reading techniques to obtain accurate and relevant information. The findings indicate that the Melanau community’s belief in the symbolism of the Kaul ritual influences their daily safety and well-being. This also aims to encourage the Melanau people to preserve their cultural heritage in the modern age. The contribution of this study is expected to provide knowledge to the younger generation of the Melanau community about the symbolism in the *Kaul Serahang Kakan* ritual. Additionally, this study helps to elevate the customs, culture, and identity of the Melanau people.

Keywords: culture; Melanau; Kaul Festival; serahang kakan; symbolism

PENGENALAN

Pesta Kaul merupakan satu perayaan tradisional tahunan yang signifikan dalam kalangan masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Pesta Kaul kaya dengan unsur simbolik, ritual dan kepercayaan yang mencerminkan hubungan spiritual antara manusia dan alam sekitarnya (Mohammad Husri Morni 2024). Sebagai salah satu warisan budaya yang masih diamalkan sehingga kini, Pesta Kaul bukan sahaja berperanan sebagai medium penghormatan terhadap entiti spiritual penjaga alam seperti laut, sungai dan tanah tetapi turut berfungsi sebagai instrumen pelestarian identiti etnik dan nilai tradisional dalam konteks perubahan sosial moden. Kajian ini dijalankan dengan tujuan meneroka dan menganalisis simbol yang wujud dalam pelbagai elemen perayaan Kaul, termasuk ritual utama dalam pesta ini iaitu *Serahang Kakan* dan permainan *Tibow*, alat upacara serta lambang-lambang budaya yang digunakan sepanjang sambutan berlangsung. Fokus penulisan diberikan kepada cara simbol-simbol ini dimanifestasikan dan dimaknai oleh komuniti Melanau, serta peranannya dalam mengekalkan kesinambungan budaya dan spiritual masyarakat.

Dalam konteks Pesta Kaul, simbolik memainkan peranan penting bukan sahaja dari sudut estetika dan ritual tetapi juga sebagai alat komunikasi nilai budaya, penghormatan terhadap roh penjaga alam (*ipok*) dan peneguhan hubungan antara manusia dan persekitaran (Jeniri Amir 2000). Simbolik dalam konteks antropologi budaya merujuk kepada lambang-lambang yang mewakili nilai, kepercayaan atau hubungan mendalam dalam sesuatu masyarakat. Simbolik ini boleh berupa objek, warna, tindakan atau bentuk yang mempunyai makna khusus dalam sistem sosial dan spiritual tertentu (Dayang Natasha 2025). Dalam masyarakat Melanau, simbolik bukan sekadar perlambangan fizikal tetapi berperanan sebagai medium menyampaikan makna yang kompleks seperti penghormatan terhadap alam semula jadi, keseimbangan hidup dan kekuatan spiritual yang dipercayai mempengaruhi kesejahteraan komuniti.

Simbolik-simbolik yang terkandung dalam Pesta Kaul menggambarkan nilai-nilai tradisi animisme masyarakat Melanau yang menekankan keharmonian dengan alam serta penghormatan terhadap roh penjaga. Penggunaan bahan-bahan semula jadi seperti daun nipah, buluh dan kayu dalam pelaksanaan ritual melambangkan keterikatan masyarakat Melanau dengan alam persekitaran. Walaupun masyarakat kini berdepan dengan cabaran pemodenan dan globalisasi, unsur simbolik dalam Pesta Kaul terus berperanan sebagai medium pengukuhan identiti budaya serta pemangkin kepada kelestarian warisan tempatan (Jeniri Amir 2000).

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas tentang upacara adat pesta Kaul Masyarakat Melanau di Mukah, terutamanya simbolisme upacara adat pesta Kaul kurang komprehensif. Pendokumentasian berkenaan pesta Kaul yang terawal dilakukan oleh Morris (1953), manakala yang terkini oleh Husri Morni (2024). Dalam jangkamasa tersebut terdapat sebelas kajian tentang pesta Kaul yang diamalkan oleh masyarakat Melanau di Sarawak. Sorotan kajian lepas terhadap pesta Kaul lebih cenderung meneliti kepercayaan, sosiobudaya dan upacara adat dalam kajian mereka. Kajian lepas tersebut dijalankan oleh Jensen. E (1974); Hashim Awang Abdul Rahman (1980); Yasir Abdul Rahman (1987); Hang Tuah Merawin (1989); Morris (1953, 1992); Jeniri Amir (2001, 2015); Pan Hui (2017); Chong Shin (2020); Abdul Walid Ali (2020); Mohammad Husri Morni (2024) dan Dayang Natasha (2025).

Kajian oleh Morris (1953) dalam *Report On The Producing Community in Sarawak* boleh dianggap sebagai kajian yang lebih menyeluruh mengenai masyarakat Melanau. Laporan beliau yang diterbitkan dalam *Sarawak Museum Journal* dan *Sarawak Gazette* menumpukan kepada aspek sosial dan ekonomi masyarakat ini. Kajian ini dijalankan disebabkan pendokumentasian tentang masyarakat Melanau masih pada tahap yang membimbangkan kerana kurangnya penyelidikan terhadap simbolik dalam upacara Pesta Kaul di Mukah. Pendekatan etnografi digunapakai dalam memperoleh data yang diperlukan oleh Morris melalui kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Morris (1953) dalam penulisannya hanya memfokuskan kepada masyarakat Melanau di Sarawak secara menyeluruh. Dapatan kajian ini menunjukkan masyarakat Melanau tidak mempunyai agama yang digelar sebagai *pagan* iaitu kepercayaan animisme yang menjadi pegangan hidup masyarakat Melanau ketika itu sebelum berlakunya islamilasi dalam komuniti Melanau. Walau bagaimanapun, penulis tidak menfokuskan tentang simbolik dalam Pesta Kaul tersebut.

Penulisan Dayang Natasha (2025) tentang kepercayaan adat tradisi kaum Melanau dalam mengadakan Pesta Kaul bertujuan untuk mengkaji peranan dan kepentingan

kepercayaan adat dan tradisi dalam pelaksanaan Pesta Kaul masyarakat Melanau. Pendekatan etnografi diaplikasikan dalam kajian ini. ~~dengan~~ kaedah kualitatif seperti kajian lapangan dan temu bual mendalam digunakan untuk pengumpulan data. Kajian lapangan dilakukan di kawasan-kawasan yang masih mengadakan pesta Kaul, terutama di daerah persisir Sarawak seperti Mukah dan Dalat. Temu bual dijalankan dengan berbagai lapisan masyarakat Melanau, termasuk pemimpin adat, ahli sejarah tempatan dan generasi muda yang terlibat dalam upacara ini. Hasil dapatan dalam kajian ini mendapati perayaan pesta Kaul bagi kaum Melanau diterima atau ditolak berdasarkan pelaksanaan dan niat yang mendasarinya. Perayaan pesta Kaul perlu mengutamakan keikhlasan, menghindari unsur syirik dan bid'ah, serta sesuai dengan sunnah Nabi Muhammad SAW agar tidak bertentangan dengan hukum Islam. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak membincangkan tentang simbolik dalam upacara Pesta Kaul.

Kajian Pan Hui (2017) menyoroti dua tradisi pemujaan laut di Sarawak: *Semah* dan *Kaul* bertujuan untuk menambah pendokumentasian tentang upacara adat pemujaan laut iaitu *Semah* dan *Kaul* yang hampir punah dalam kalangan masyarakat Melayu dan Melanau. Kajian tentang *semah* dijalankan dengan menyoroti hasil kajian Harrison (1950), di Pulau Satang dan Pulau Talang-Talang. Seterusnya disusuli dengan kupasan upacara Kaul Melanau dengan data yang dikumpul melalui pendekatan etnografi. Kaedah kualitatif yang diaplikasikan terbahagi kepada kajian lapangan dan temu bual mendalam bersama dua orang informan. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua upacara ini memaparkan perbezaan yang nyata, namun sifat dasarnya tidak jauh berbeza iaitu upacara tersebut diketuai oleh ketua upacara atau dukun, menggunakan *sesajen* (sajian), bacaan mantera, penyembahan semangat atau kuasa ghaib di laut dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan pengamalan sesuatu kebudayaan amat berkait rapat dengan lingkungan persekitaran dan hubungannya menjadi sebahagian daripada warisan kebudayaan mereka.

Seterusnya penulisan Husri Morni (2024), tertumpu kepada perubahan Pesta Kaul dalam masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak. Penulisan tersebut mengkaji tentang perubahan Pesta Kaul dalam masyarakat Melanau. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti perubahan dalam adat budaya masyarakat Melanau mengenai Pesta Kaul. Kajian ini menggunakan pendekatan etnografi untuk mendapatkan data yang diperlukan. Pendekatan etnografi yang digunakan terdiri daripada kajian lapangan dan kajian kesusasteraan. Penyelidikan lapangan yang dijalankan adalah untuk mendapatkan data seperti pemerhatian, penyertaan dan temu bual. Kaedah pemerhatian dan penyertaan digunakan untuk memastikan data yang dikumpul sesuai untuk kajian. Kaedah temu bual menggunakan teknik temu bual separa berstruktur dengan menemu bual beberapa pengamal tradisional dan orang tua yang berwibawa dalam komuniti Melanau. Penyelidikan bibliografi seperti jurnal, buku dan laporan bercetak bertujuan untuk menyokong kajian ini dengan menyumbang bahan sekunder. Data primer dan sekunder perlu menjalani proses saringan dengan menggunakan teknik analisis tematik dan pembacaan rapi bagi mendapatkan data yang tepat mengikut penyelidikan. Penemuan yang dihasilkan ialah masyarakat Melanau masih mengekalkan dan meraikan Pesta Kaul walaupun terdapat penyesuaian dan asimilasi dalam masyarakat Melanau. Penganjuran perayaan ini bukan sahaja mengingatkan adat resam dan tradisi warisan masyarakat Melanau, malah menjadi platform untuk menjana ekonomi dan mengangkat Mukah sebagai destinasi pelancongan warisan. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menumpukan secara spesifik simbolik dalam upacara Pesta Kaul.

Yasir Abdul Rahman melalui penulisan buku bertajuk *Melanau Mukah: Suatu Kajian Budaya* pada tahun 1987 yang menerangkan tentang kebudayaan dan kepercayaan melalui sosiobudaya masyarakat Melanau. Penulis menerangkan tentang kajian budaya masyarakat

Melanau di Mukah. Aspek penulisan dan kajian beliau memfokuskan tentang sosiobudaya masyarakat Melanau iaitu asal usul, kepercayaan dan corak kehidupan masyarakat Melanau. Penulis juga menerangkan tentang asal usul Pesta Kaul, peranan serta upacara ritual dalam pesta tersebut. Manakala, Jeniri Amir turut mengupas pelbagai persoalan tentang Melanau melalui penulisan buku bertajuk *Masyarakat Melanau di Sarawak* pada tahun 2015. Berdasarkan penulisan-penulisan yang dibincangkan ini, masih terdapat kelompongan dalam kajian dan penulisan tentang simbolisme upacara adat Pesta Kaul masyarakat Melanau secara terperinci.

Justeru, simbolisme upacara adat Pesta Kaul masyarakat Melanau di Mukah wajar dibincangkan bagi menutup kelompongan yang belum dirungkaikan ini. Sekiranya ditelitikan penulisan kajian lepas lebih berfokuskan kepada beberapa kerangka teori yang tidak menyentuh teori interaksionisme simbolik. Memandangkan kerangka teori amat ditekankan dalam bidang pengkajian, maka kajian ini akan ditumpukan kepada analisis teori interaksionisme simbolik dalam mengkaji simbolisme upacara adat Pesta Kaul di Mukah, Sarawak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan etnografi bagi memahami secara mendalam elemen simbolik adat dan kepercayaan masyarakat Melanau, khususnya dalam konteks pelaksanaan Pesta Kaul di Mukah, Sarawak. Pendekatan ini sesuai untuk meneroka makna budaya yang kompleks melalui pengalaman langsung, interaksi sosial dan interpretasi subjektif masyarakat yang dikaji. Pengumpulan data dilaksanakan melalui gabungan beberapa teknik utama, iaitu pemerhatian lapangan, temu bual mendalam, penglibatan secara turut serta dan kajian kepustakaan. Pemerhatian langsung dilakukan dengan menghadiri dan menyertai pelbagai upacara utama dalam Pesta Kaul, antaranya *Kaul Serahang Kakan*, permainan *Tibow* dan *Keman Kaul*. Kehadiran secara fizikal dalam upacara ini membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang holistik terhadap struktur upacara, proses pelaksanaan ritual serta simbolisme yang terkandung dalam setiap elemen upacara.

Selain itu, temu bual dilaksanakan secara separa berstruktur bersama informan berautoriti dalam komuniti Melanau, termasuk pemimpin adat (Bapak Kaul), penggerak budaya dan ahli persatuan komuniti Melanau. Temu bual ini bertujuan mendapatkan pandangan, naratif pengalaman serta interpretasi masyarakat terhadap simbolik dan nilai spiritual yang mendasari Pesta Kaul. Dalam memperkukuh dimensi teoritikal kajian, kajian kepustakaan turut dilaksanakan melalui peninjauan pelbagai sumber sekunder seperti buku, jurnal akademik, dokumen sejarah, laporan budaya serta artikel yang diperolehi melalui pangkalan data atas talian seperti *Google Scholar* dan *ResearchGate*. Kajian ini memberi latar belakang sejarah, konteks budaya dan rangka teori yang menyokong analisis dan interpretasi data lapangan. Data yang dikumpulkan dianalisis secara sistematik menggunakan kaedah analisis tematik. Teknik ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tema-tema utama dan pola-pola berulang dalam data yang berkaitan dengan simbolisme adat dan kepercayaan masyarakat Melanau. Perisian analisis kualitatif seperti NVivo atau Atlas.ti digunakan untuk membantu proses pengkodan, pengkategorian data serta pembinaan tema-tema utama.

TEORI INTERAKSI SIMBOLIK

Kerangka teoritikal yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan Teori Interaksionisme Simbolik oleh George Herbert Mead. Mead mengembangkan Teori Interaksionisme Simbolik pada tahun 1920-an dan 1930-an dengan mengambil tiga konsep utama yang diperlukan dan saling mempengaruhi satu sama lain untuk menyusun sebuah Teori Interaksionisme Simbolik. Mead berpendapat bahawa dengan tiga konsep utama iaitu pemikiran manusia (*Mind*), interaksi diri (*Self*) dan masyarakat (*Society*), mempengaruhi satu sama lain dalam menginterpretasi masyarakat.

Menurut George Herbert Mead (1863-1931), pemikiran manusia dapat difahami sebagai proses perbualan individu dengan dirinya sendiri. Pemikiran bukan semata-mata proses mental dalaman, tetapi merupakan fenomena sosial yang muncul dan berkembang dalam konteks interaksi sosial. Dalam hal ini, proses sosial dianggap mendahului pemikiran dan bukan merupakan hasil daripada pemikiran tersebut. Oleh itu, pemikiran ditakrifkan secara fungsional dan bukan secara substantif. Ciri istimewa pemikiran adalah keupayaan individu untuk memposisikan dirinya sebagai objek dalam proses sosial, bertindak balas terhadap pandangan komuniti secara menyeluruh.

Mead turut mengemukakan gagasan mengenai konsep ‘diri’, yang merujuk kepada keupayaan individu untuk melihat dan menerima dirinya sebagai objek. Konsep diri ini membawa maksud keupayaan seseorang untuk menjadi subjek dan objek secara serentak, yang hanya boleh terbentuk melalui interaksi sosial. Pembentukan diri adalah hasil daripada proses komunikasi sosial yang dinamik antara individu. Dalam konteks ini, diri tidak terbentuk secara semula jadi melalui tubuh badan, sebaliknya hanya wujud apabila pemikiran berkembang hasil daripada interaksi sosial.

Dari sudut pandang Mead, masyarakat pula merupakan satu proses sosial yang berterusan dan mendahului kemunculan pemikiran dan diri. Masyarakat memainkan peranan asas dalam membentuk kedua-dua entiti tersebut. Masyarakat juga berfungsi sebagai struktur norma dan institusi sosial yang mencerminkan sistem nilai kolektif. Teori ini menekankan kepentingan makna dalam tingkah laku manusia; individu bertindak balas terhadap orang lain berdasarkan makna yang dikongsi dan diberikan melalui interaksi. Makna ini terbina dalam hubungan sosial dan menjadi asas kepada pembentukan sistem norma. Dalam konteks ini, tindakan masyarakat terhadap individu berlaku secara kolektif dan tersusun mengikut keadaan tertentu, menghasilkan tindak balas yang konsisten di peringkat komuniti.

Kesimpulannya, ketiga-tiga konsep utama dalam Teori Interaksionisme Simbolik iaitu pemikiran, diri dan masyarakat menjadi asas kepada perbincangan dan analisis dalam kajian ini. Ketiga-tiga konsep ini membantu memperjelas proses interaksi simbolik yang berlaku dalam dapatan kajian, di samping menyediakan kerangka teoritikal yang kukuh untuk mentafsir tingkah laku dan makna yang terbentuk melalui hubungan sosial dalam Pesta Kaul masyarakat Melanau.

PESTA KAUL

Yasir Abdul Rahman (1987) menjelaskan Pesta Kaul merupakan sebuah pesta keagamaan yang dianjurkan oleh masyarakat Melanau pagan sebagai upacara pemujaan untuk memohon restu daripada penjaga di laut, darat dan hutan. Pesta ini diadakan untuk memperoleh ketenteraman dan keselamatan dalam aktiviti seharian mereka khususnya mencari rezeki. Mengikut kalendar kaum Melanau pagan, Pesta Kaul menandakan berakhirnya musim tengkujuh yang memberi kesan besar kepada kehidupan mereka sebagai petani dan nelayan.

Pesta Kaul dirayakan di Mukah dan merupakan pesta tahunan yang mengumpulkan pelbagai upacara dan adat resam yang menarik. Pesta Kaul diadakan pada bulan Mac atau April pada setiap tahun. Menurut Mohammad Husri Morni (2024), Pesta Kaul tetap menjadi salah satu tradisi penting bagi masyarakat Melanau yang terus dipelihara oleh generasi masa kini. Kaul dalam Melanau bermaksud bersuka ria dan pesta ini adalah salah satu perayaan penting yang disambut oleh masyarakat Melanau, bertujuan menghargai pelbagai jenis semangat, termasuk semangat tanah, hutan, sungai dan laut. Pesta ini menunjukkan pemikiran masyarakat Melanau melihat alam semesta sebagai dunia yang mempunyai roh penunggu (*ipok*). Pesta Kaul adalah manifestasi pemikiran bahawa manusia perlu menjaga hubungan harmoni dengan alam ghaib sebagai usaha menjamin keselamatan, rezeki dan kesejahteraan hidup. Pesta ini menjadi identiti bagi masyarakat Melanau untuk menunjukkan kepentingan budaya dan tradisi mereka.

Pesta ini dilihat sebagai perayaan keagamaan untuk memohon restu daripada penunggu laut, darat, sungai dan hutan agar mereka tidak diganggu semasa mencari rezeki. Dalam Pesta Kaul terdapat beberapa aktiviti wajib yang dilaksanakan mengikut ritual dan adat masyarakat Melanau iaitu *Serahang Kakan*, *Tibow* dan *Keman Kaul*. Aktiviti ritual ini mempunyai simbolik-simbolik tersendiri dalam kepercayaan masyarakat Melanau. Gambar berikut menunjukkan perayaan Pesta Kaul yang diadakan pada tahun 2025.



RAJAH 1. Perayaan Pesta Kaul
Sumber: Kajian Lapangan 2025

SERAHANG KAKAN

Upacara Kaul *Serahang Kakan* merupakan komponen penting dalam Pesta Kaul yang mempunyai nilai spiritual dan simbolik mendalam bagi masyarakat Melanau Likow di Mukah, Sarawak. Istilah *serahang* berasal daripada kata dasar iaitu menyerah atau serahan manakala *kakan* merujuk kepada sajian makanan. *Serahang Kakan* sebagai persembahan

hidangan kepada entiti spiritual yang dikenali sebagai *ipok* (Mohammad Husri Morni 2024). Ritual ini berfungsi sebagai simbol penghormatan dan kesyukuran atas rezeki yang dikurniakan oleh roh penjaga alam, sama ada dari laut, darat mahupun langit.

Ritual *Serahang Kakan* dilaksanakan sebagai pembuka kepada keseluruhan sambutan Pesta Kaul. Ritual ini melambangkan simbolik untuk memohon restu kepada *ipok* dan berperanan sebagai upacara penyucian serta penghargaan terhadap kesejahteraan tahun sebelumnya. Komuniti Melanau berarak menaiki perahu melalui Sungai Tellian menuju ke Pantai Kala Dana sebagai lokasi utama upacara untuk melaksanakan pelbagai aktiviti ritual seperti paluan gendang, nyanyian dan tarian bagi menghormati roh nenek moyang atau entiti spiritual lain. Interpretasi ritual ini dapat dilihat melalui proses pelaksanaan *Serahang Kakan* mencerminkan jalinan erat antara masyarakat Melanau dan alam sekitar, khususnya sungai sebagai sumber rezeki dan kehidupan.

Serahang bukan sahaja mengenai organisasi fizikal, tetapi juga mengandungi dimensi rohani dan sosial yang mendalam. Bekas kecil yang diperbuat daripada daun nipah digunakan untuk menyimpan bahan-bahan dan makanan ini dan semuanya disusun dengan kemas di talam *Serahang*. Struktur *Serahang* berketinggian tujuh kaki yang dipenuhi dengan bahan-bahan seperti daun prangkster, daun tegoh, buluh, tedieng, pin dan daun nyipah muda. Setiap bahan ini dipilih dengan teliti kerana ia membawa makna simbolik dan kosmologi yang tipikal bagi kepercayaan kaum Melanau. Selain bahan struktur, *Serahang* juga mengandungi pelbagai jenis makanan yang memainkan peranan penting dalam ritual ini. Makanan seperti kueh penyaram, kuneng beraih, papit, ruko' apong, belen dan keto bukan sahaja sebagai penyertaan dalam upacara tetapi juga sebagai persembahan yang menghormati *ipok* (roh atau makhluk halus) dan membawa keberkatan kepada masyarakat Melanau (Jeniri Amir 2000).

Bapa Kaul merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membawa *Serahang* ke tapak Kaul, sebuah kontena yang mengandungi makanan wajib ditawarkan kepada *ipok*. Penyerahan ini mesti diisi dengan tujuh jenis makanan dan tujuh pinggan, dengan peruntukan bahawa tidak ada makanan berdarah. Keadaan ini mencerminkan kepentingan kesucian dan kebersihan dalam proses penyediaan majlis ini. Pemilihan tujuh jenis makanan dan piring dalam *Serahang* tidak hanya sebagai tindakan formalitas, tetapi juga memiliki makna yang mendalam. Angka tujuh sering kali memiliki makna simbolis dalam tradisi Melanau, mungkin melambangkan berbagai aspek kehidupan atau nilai-nilai spiritual yang mereka anut (Jeniri Amir 2000).

Selain itu, upacara *Kaul Serahang Kakan* juga melibatkan serangkaian prosedur yang telah diwariskan dari generasi ke generasi. Ini tidak hanya menjaga keberlanjutan tradisi, tetapi juga memastikan bahwa nilai-nilai kebersihan, penghormatan terhadap *ipok* dan keselarasan dengan alam semesta tetap terjaga dengan baik. Bagi mendapatkan keberkatan, Bapa Kaul melakukan tindakan simbolik seperti menyemai padi kuning di darat dan laut. Perbuatan ini bukan sekadar ritual rasmi, tetapi juga ungkapan kepercayaan mereka terhadap kuasa simbolik yang terkandung di dalamnya. Menyemai beras kuning di kedua-dua tempat ini adalah permintaan untuk berkat dan perlindungan daripada *ipok*. Tindakan menyemai padi kuning di darat dan laut selepas upacara *Kaul Serahang Kakan* mencerminkan pemahaman mendalam masyarakat Melanau Likow tentang hubungan antara alam fizikal dan rohani. Ritual ini merupakan ungkapan usaha mereka untuk mengekalkan keseimbangan dan keharmonian dalam ekosistem yang mereka percaya (Mohammad Husri Morni 2024). Upacara ini menunjukkan tentang interaksi diri dalam masyarakat Melanau melalui kepercayaan terhadap alam semesta. Interaksi diri diterjemahkan melalui kepercayaan individu terhadap acara ini sebagai simbolik untuk menjaga keseimbangan dalam

keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka. Gambar berikut menunjukkan Simbolik Ritual Serahang Kakan oleh Bapak Kaul.



RAJAH 2. Simbolik Ritual Serahang Kakan oleh Bapak Kaul
Sumber: Kajian Lapangan 2024

PERMAINAN TIBOW

Tibow merupakan permainan tradisional yang menjadi komponen wajib dalam Pesta Kaul dan turut melibatkan elemen ritual dalam proses pembinaannya. Permainan ini melambangkan simbol perpaduan, keberanian dan restu daripada *ipok*. Dalam konteks upacara, *Tibow* bukan sekadar hiburan tetapi juga satu persembahan spiritual yang menyatukan nilai estetika, simbolisme dan kepercayaan. Lagu-lagu dan pantun turut dipersembahkan semasa permainan sebagai bentuk penghormatan kepada *ipok*.

Struktur *Tibow* seperti dalam gambar 3 dibina menggunakan bahan semula jadi seperti buluh, kayu nibung atau kayu keras, yang disusun dalam bentuk menyerupai piramid setinggi 8 hingga 10 meter. Struktur *Tibow* terdiri daripada dua komponen utama iaitu pemidang atau 'para' dan tiang utama yang membentuk struktur piramid. Rotan akan diikat pada tiang dengan menggunakan tali rotan sebagai tempat hayunan pemain seperti buaian. Aktiviti ini dijalankan di kawasan lapang dan berpermukaan lembut untuk menjamin keselamatan pemain. Masyarakat Melanau percaya simbolik untuk mendirikan anak tangga, jumlah anak tangga mestilah dalam angka ganjil kerana angka tersebut dipercayai membawa makna kesejahteraan, manakala angka genap dikaitkan dengan kematian atau malapetaka. Tangga ini berfungsi sebagai tempat persediaan pemain sebelum melompat dan berhayun pada *Tibow*. Justeru jumlah anak tangga biasanya dalam jumlah tujuh atau sembilan anak tangga mengikut ketinggian *Tibow* didirikan (Yasir Abdul Rahman 1987).

Selain menjadi simbol ritual, *Tibow* juga memupuk nilai kebersamaan dalam kalangan masyarakat. Acara ini disambut meriah dengan penyediaan jamuan oleh masyarakat Melanau. Bubur kacang bersantan merupakan jamuan utama dan hiburan permaian palunan muzik tradisional dimainkan dengan menggunakan canang dan gendang sebagai iringan kepada

ISSN 1675-7513

permainan Tibow. Pantun atau mantera akan didendangkan semasa bermain Tibow sebagai simbolik mendodoikan *ipok*. Pantun berbentuk puji-pujian agar *ipok* gembira dan merestukan kesejahteraan dan keselamatan kehidupan masyarakat Melanau (Yasir Abdul Rahman 1987).



RAJAH 3. Permainan Tibow
Sumber: Kajian Lapangan 2025

JAMUAN KAUL

Jamuan atau Keman Kaul bermaksud makan beramai-ramai merupakan jamuan komuniti yang menghimpunkan masyarakat setempat serta para pengunjung untuk menjalin hubungan sosial dan menikmati hidangan. Walau bagaimanapun, mengikut pantang larang tradisional Melanau, makanan yang belum selesai tidak boleh dibawa pulang tetapi harus ditinggalkan di tapak majlis sebagai sebuah simbolik penghormatan dan ketaatan kepada tradisi yang mereka patuhi menurut Yasir Abdul Rahman (1987). Oleh itu, simbolik larangan yang tidak dipatuhi dipercayai boleh mengundang kemurkaan *ipok* dan membawa kesan buruk kepada komuniti Melanau (Mohammad Husri Morni 2024).

Jamuan Kaul juga berperanan sebagai satu medium untuk menghimpunkan komuniti masyarakat Melanau dalam mengukuhkan semangat perpaduan dan jalinan kerjasama yang menjadi simbolik dalam kehidupan mereka. Gambar di bawah menunjukkan acara Jamuan makan (Keman Kaul) masyarakat Melanau di Mukah. Pesta ini menunjukkan masyarakat Melanau melihat Pesta Kaul adalah manifestasi kemanusiaan yang perlu untuk menjaga hubungan harmoni dengan masyarakat setempat sebagai usaha menjamin perpaduan, kerjasama dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Berikut merupakan gambar acara Jamuan Makan (Keman Kaul).



RAJAH 4. Acara Jamuan Makan (Keman Kaul)
Sumber: Kajian Lapangan 2025

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti simbolik upacara adat dan kepercayaan tradisional masyarakat Melanau di Mukah dengan tujuan untuk memahami makna, fungsi dan peranan simbolik dalam warisan budaya mereka. Kepercayaan tradisional terhadap roh penjaga alam memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melanau. Keyakinan bahawa hutan, sungai, laut dan pokok besar dihuni roh yang berkuasa menjadikan setiap aktiviti harian harus mematuhi pantang larang tertentu agar kehidupan harian mereka tidak mengganggu keseimbangan alam, kesihatan, rezeki dan keselamatan komuniti serta warisan budaya turun-temurun. Penulisan ini berusaha mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi dalam usaha memelihara adat resam dan simbolik ini, termasuk pengaruh globalisasi, peralihan kepercayaan serta kurangnya minat generasi muda terhadap tradisi nenek moyang. Melalui hasil kajian ini, diharapkan agar kesedaran tentang nilai warisan budaya Melanau dapat dipertingkatkan, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melanau sendiri tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Kajian ini mencadangkan beberapa langkah strategik untuk memelihara adat dan simbolik tradisional masyarakat Melanau di Mukah khususnya seperti proses pendokumentasian, pendidikan budaya di institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi, serta penglibatan aktif komuniti sebagai inisiatif melestarikan warisan mereka. Usaha ini merangkumi penyelidikan, penerbitan bahan rujukan, bengkel interaktif dan penganjuran festival warisan budaya untuk memastikan nilai tradisi sentiasa subur dalam kehidupan masyarakat moden. Kajian ini berperanan penting menyokong usaha melindungi dan mempromosikan warisan budaya masyarakat Melanau sebagai aset negara yang bernilai tinggi, agar terus dihargai bukan sahaja oleh generasi kini tetapi juga diwarisi dan dimuliakan oleh generasi akan datang. Langkah-langkah ini juga membantu mengukuhkan identiti kebangsaan yang pada era globalisasi.

RUJUKAN

- Abdul Walid Ali. 2020. Peranan Topeng Sagu Melanau untuk Kaul di Sarawak. *Borneo International Journal* 2 (4), 26-36.
- Awang Azman Awang Pawi. *Weltansschaauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak*. Kuching: Institut Pengajian Asia Timur (UNIMAS).
- Chong Shin, Pan Hui, Remmy Gedat. 2017. Menyoroti dua tradisi pemujaan laut di Sarawak: Semah dan Kaul. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*:5(1), 2017: 29-36.
- Chong Shin. 2017. Fenomena Pertukaran Identiti Melanau: Suatu Hipotesis dan Fakta. Conference Paper. *Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China 2017*At: Guangzhou, China.
- Chong Sin. 2020. *Asal usul dan Perubahan Identiti Kaum Melanau Di Sarawak: Suatu Hipotesis*, *Asean Journal of Environment, History and Heritage*, Jun. Hal 77-89.
- Dayang Natasha. 2025. *Kepercayaan Adat Tradisi Kaum Melanau Dalam Mengadakan Pesta Kaul*. *Indonesian Journal of Islamic Jurisprudence, Economic and Legal Theory*,
- Hang Tuah Merawin. 1989. Pesta dan Permainan Masa Lapang Kaum Melanau, *Sarawak Museum Journal*, 60(61), 259-337.
- Hashim Awang. 1980. Kepercayaan Magis di Kalangan Kaum Melanau. *Dewan Budaya*, April dan Mei
- Jeniri Amir. 1989. Adat Resam Kaum Melanau. *The Sarawak Museum Journal*.. XL. *Special Issue, XL (4. Part II)*
- Jeniri, A. 2000. *Kaul memujuk Ipok*. *Dewan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jensen, E. 1974. *Social Structure and Ritual in Melanau Culture*. New York: Academic Press.
- Mohammad Husri Morni, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2024. Changes in Cultural Practices of the Melanau Community in the Kaul Festival in Mukah, Sarawak. *Nanotechnology Perceptions*, 20(S15), 895-903.
- Mohammad Husri Morni. 2022. The Death Ritual And Customs of The Melanau Community In Sarawak. *Journal of Seybold Report*, 17(10), 2347-2354.
- Mohammad Husri Morni. 2023. The Changes of Marital Customs And Traditions In The Melanau Community In Mukah, Sarawak. *Journal of Advanced Zoology*, 44(S-2), 4463-4470.
- Morris, S. 1997. *Melanau Communities in Sarawak: Culture and Change*. Sarawak: Sarawak Museum Journal.
- Morris, S. 1997. The Oya Melanau: Traditional Ritual and Belief. *The Sarawak Museum Journal*.
- Pan Hui. 2017. Menyoroti Dua Tradisi Pemujaan Laut di Sarawak: Semah dan Kaul, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 5(1), 29 - 36
- Yasir Abdul Rahman. 1987. *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Ria Ammaruzain bin Rusli, calon Sarjana Falsafah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Pengurusan Seni Persembahan. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda (Seni Persembahan Tarian) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2022, dan kini berkhidmat sebagai Seniman Budaya di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Dr. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (Kajian Warisan). Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kepakaran beliau ialah sosiobudaya dan kajian warisan.